

Arahan MT kepada bahagian Umno belum bersidang

Lengkapkan pencalonan

BH - 7 MAR 2000
Oleh Radir Dikoh dan Zulkofli Jamaluddin

KUALA LUMPUR, Isnin - Majlis Tertinggi (MT) Umno hari ini mengarahkan semua bahagian yang akan mengadakan mesyuarat perwakilan selepas ini, termasuk Kubang Pasu, membuat pencalonan penuh bagi mengisi semua jawatan utama dalam parti.

Jawatan itu ialah presiden, timbalan presiden, tiga naib presiden dan 25 ahli MT.

Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, Bahagian Kubang Pasu yang diketuainya dan sebelumnya mengambil pendirian berkecuali, kali ini turut diminta membuat pencalonan bagi semua jawatan itu.

Bagaimanapun, katanya, keputusan Umno Bahagian Tawau yang hanya menamakan dua calon untuk tiga jawatan naib presiden adalah sah kerana tindakan itu tidak melanggar peruntukan dan perlembagaan parti.

"Namun demikian, MT berpendapat sementara keputusan Tawau itu dibenar dan dikekalkan, bahagian lain hendaklah mencalon sepenuhnya iaitu tiga naib presiden dan 25 ahli MT.

"Semua bahagian mesti mencalonkan sepenuhnya, tidak dengan meninggalkan beberapa kekosongan. Jadi sekarang ini bahagian Kubang Pasu dikehendaki membuat pencalonan termasuk juga pencalonan untuk presiden dan timbalan presiden," katanya.

Beliau menjelaskan demikian dalam sidang akhbar selepas mempengerusikan

LIHAT MUKA 2, RUANG 7